

## HELAIAN KETERANGAN PRODUK

### TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD

(Dahulu dikenali sebagai Takaful Ikhlas Berhad)

(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai “IKHLASlink Secure Takaful”. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

**IKHLASlink Secure Takaful**

Tarikh: 01/12/2018

#### 1) Produk apakah ini?

Ia adalah Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan (ILP) di mana Sumbangan Takaful adalah berkala yang menawarkan perlindungan sekiranya berlaku Kematian atau Keilatan Kekal dan menyeluruh (TPD) ke atas Orang Yang Dilindungi. Peserta Takaful mempunyai pilihan untuk melabur di dalam tiga (3) jenis dana iaitu Dana Growth, Dana Balanced dan Dana Fixed Income.

Tiada Sumbangan Takaful tambahan yang diperlukan sekiranya Peserta Takaful memilih untuk menyertakan sebarang rider-rider pilihan ke atas Sijil Takaful asas. Hal ini kerana, caj risiko daripada rider-rider tersebut akan ditolak daripada nilai unit daripada Sijil Takaful asas. Peserta Takaful boleh memilih untuk menyertakan rider-rider pilihan tersebut pada masa Sumbangan Takaful yang berikutnya perlu dibayar.

#### 2) Apakah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai?

- **Tabarru'** – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta-peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.
- **Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejennya (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan yuran Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

#### 3) Apakah perlindungan-perindungan/manfaat-manfaat yang ditawarkan?

##### Pelan ini melindungi:

- |  |   |             |
|--|---|-------------|
| a) Kematian atau Keilatan Kekal dan Menyeluruh (TPD) <sup>1</sup> Semulajadi | : | RM60,000.00 |
| b) Kematian atau TPD Akibat Kemalangan                                       | : | RM60,000.00 |
| c) Dana yang Dipilih   |   |             |
| • Dana Growth  | : | 0.0%        |
| • Dana Balanced  | : | 0.0%        |
| • Dana Fixed Income  | : | 100.0%      |

##### d) Manfaat Matang

Nilai Aset Bersih (NAV) yang terdapat di dalam dana-dana unit dan lebihan terkumpul daripada Dana Risiko akan dibayar kepada Peserta Takaful apabila Sijil Takaful telah matang.

e) Manfaat Penyerahan  
NAV yang terdapat di dalam dana-dana unit dan lebih terkumpul daripada Dana Risiko (setelah ditolak yuran penyerahan sehingga RM 50), akan dibayar kepada Peserta Takaful apabila berlakunya penyerahan Sijil Takaful.

f) Manfaat Jaminan yang Dikuatkuasakan  
Sijil Takaful akan tetap berkuat kuasa berterusan selama tiga (3) tahun pertama walau pun caj Tabarru' tidak mencukupi disebabkan oleh prestasi pasaran. Walau bagaimanapun, ciri ini hanya boleh diguna pakai tertakluk kepada pembayaran Sumbangan Takaful yang berterusan dan kekurangan tersebut hanyalah disebabkan oleh harga pasaran, di mana ianya adalah di luar kawalan Peserta Takaful.

g) Pilihan Tambah Nilai  
Penambahan nilai Sumbangan Takaful adalah dibenarkan dari tarikh mula Sijil Takaful berkuat kuasa tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- Jumlah minimum : RM500
- Jumlah maksimum : Tiada had jumlah maksimum

Jumlah Sumbangan Takaful yang ditambah nilai akan digunakan untuk membeli unit-unit pelaburan tambahan tanpa berlaku kenaikan terhadap Amaun Perlindungan.

h) Pengeluaran Tunai Separa

- Jumlah minimum : RM1,000
- Jumlah maksimum : Tiada had jumlah maksimum

Pengeluaran tunai separa adalah tertakluk kepada jumlah agregat baki minimum RM3,000 di dalam semua dana-dana unit. Setiap transaksi pengeluaran adalah tertakluk kepada yuran pengeluaran sehingga maksimum RM50.

Nota:

<sup>1</sup> Definisi TPD adalah berdasarkan "Pekerjaan Sendiri atau Pekerjaan yang Sesuai" dan keilatan telah berlaku sekurang-kurangnya enam (6) bulan, manfaat yang dibayar adalah tertakluk kepada:

- Tuntutan TPD disahkan.
- Sumbangan Takaful tidak tertunggak.

Jumlah maksimum perlindungan TPD boleh dibayar daripada semua Sijil Takaful yang diluluskan oleh Syarikat ke atas diri Orang Yang Dilindungi haruslah tidak melebihi RM1,500,000 untuk dewasa dan RM 500,000 untuk kanak-kanak (16 tahun dan ke bawah).

**Peringatan: Sila baca risalah pemasaran yang mengandungi penerangan mengenai manfaat dan objektif pelan berkaitan pelaburan ini. Adalah penting untuk anda memilih dana atau kombinasi dana-dana yang bersesuaian dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda.**

#### 4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan, umur, tempoh, rider yang disertai, kelas pekerjaan dan Amaun Perlindungan. Sumbangan Takaful anda adalah seperti berikut:

Umur Orang Yang Dilindungi	:	25	Tahun
Umur Peserta Takaful	:	45	Tahun
Kelas Pekerjaan	:	1	
Tempoh	:	10	Tahun

Amaun Perlindungan	:	RM60,000
<b>Jumlah Sumbangan Takaful Tahunan (RM)</b>	:	<b><u>RM2,400.00</u></b>

Sumbangan Takaful akan diperuntukkan ke dalam Dana Unit Peserta Takaful (UF).

Pihak Syarikat akan memperuntukkan sebahagian daripada Sumbangan Takaful untuk membeli unit-unit dalam dana berkaitan pelaburan yang telah dipilih oleh anda. Sebarang jumlah yang tidak diperuntukkan akan digunakan untuk membayar yuran-yuran Wakalah, termasuk komisyen-komisyen kepada para ejen Takaful dan lain-lain perbelanjaan Pengendali Takaful. Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada kadar peruntukan yang dinyatakan dalam Ilustrasi Manfaat.

Sumbangan Takaful pembaharuan adalah TIDAK DIJAMIN dan pihak Syarikat berhak untuk menyemak kadar Sumbangan Takaful setiap Orang Yang Dilindungi pada ulang tahun Sijil Takaful berikutnya berdasarkan pengalaman tuntutan untuk keseluruhan produk. Pihak Syarikat akan memberi tiga (3) bulan notis bertulis kepada Peserta Takaful sekiranya berlaku penyemakan semula Sumbangan Takaful. Sumbangan Takaful boleh diubah sekiranya pengalaman tuntutan semakin meningkat, terdapat perubahan terhadap sebarang manfaat produk dan/atau profil risiko Orang Yang Dilindungi dan/atau Peserta Takaful. Sebab-sebab untuk perubahan ini adalah tidak terhad dan Sumbangan Takaful juga boleh disemak-semula di atas alasan-alasan lain yang munasabah.

## 5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

### a) Yuran Wakalah

Tahun	1	2	3	4	5 - 6	7 - 9	10 & ke atas
Amaun	1,440.00	1,440.00	1,200.00	480.00	480.00	240.00	0.00
% daripada Jumlah Sumbangan Takaful Kasar Tahunan	60.00%	60.00%	50.00%	20.00%	20.00%	10.00%	0.00%

- Yuran Wakalah adalah termasuk komisyen dan perbelanjaan pengurusan.
- Yuran Wakalah sebanyak 5.25% akan dikenakan untuk setiap penambahan.

### b) Komisyen

Tahun	1	2	3	4	5 - 6	7 - 9	10 & ke atas
Amaun	960.00	960.00	600.00	480.00	420.00	0.00	0.00
% daripada Jumlah Sumbangan Takaful Kasar Tahunan	40.00%	40.00%	25.00%	20.00%	17.50%	0.00%	0.00%

- c) Caj Tabarru' akan ditolak setiap bulan daripada Dana Unit. Caj-caj Tabarru' akan meningkat seiring dengan peningkatan usia Orang Yang Dilindungi dan/atau Peserta Takaful. Butiran caj Tabarru' dan caj-caj lain ke atas ILP disertakan dalam Ilustrasi Manfaat.
- d) Yuran Pengurusan Dana
- Dana Fixed Income - 1.0% daripada nilai aset bersih setiap tahun
  - Lain-lain Dana - Maksimum 1.5% daripada nilai aset bersih setiap tahun
- e) Yuran Pengurusan Sijil Takaful sebanyak RM25 akan dikenakan untuk setiap penambahan Sumbangan Takaful secara ad hoc.

- f) Yuran Penukaran sebanyak 1% daripada jumlah yang ditukar akan dikenakan untuk penukaran yang keenam (6) dan berikutnya dalam setiap tahun Sijil Takaful, tertakluk kepada maksimum RM50 setiap pertukaran.
- g) Yuran Pengurusan Sijil Takaful akan dikenakan sebanyak RM72 setiap tahun.
- h) Yuran Pengeluaran Sebahagian adalah seperti di dalam jadual berikut, maksimum RM50 setiap pengeluaran.

	Yuran Pengeluaran Sebahagian (Peratus daripada jumlah yang dikeluarkan)			
Tahun	1	2	3	Seterusnya
Caj	3%	2%	1%	0%

- i) Yuran Penyerahan sehingga RM50.
- j) Duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan untuk setiap Sijil Takaful.

Nota: Semua caj-caj, kecuali yuran pengurusan dana, akan dikenakan melalui penolakan unit-unit daripada dana-dana pelaburan.

## 6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

- a) Kepentingan pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Pihak Syarikat mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika anda didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang relevan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan pada anda.
- b) Tempoh Bertenang – anda boleh membatalkan Sijil Takaful dengan mengembalikan Sijil Takaful tersebut kepada pihak Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil Takaful diterima. Syarikat akan membatalkannya dengan serta-merta setelah penerimaannya dan memulangkan yang berikut:
- Sumbangan Takaful yang tidak diperuntukkan; dan
  - nilai unit-unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga unit pada tarikh penilaian berikutnya; dan
  - sebarang caj Takaful dan yuran Sijil Takaful yang telah ditolak;
- ditolak jumlah perbelanjaan perubatan untuk Orang Yang Dilindungi yang mungkin didahulukan oleh Syarikat.
- c) Apabila Tempoh Ehsan (30 hari) telah tamat dan pembayaran Sumbangan Takaful masih belum berbayar, maka Syarikat berhak untuk mendahulukan (melalui penjualan unit-unit dari dana-dana yang dipilih) “sejumlah amaun yang bersamaan dari akaun yang berkenaan” untuk membayar Tabarru’ dan Sijil Takaful akan “Berkuatkuasa di Bawah PIA” sehinggalah amaun di dalam Dana Unit tidak mencukupi untuk membayar Tabarru’ tersebut (melalui penjualan unit-unit dari dana-dana yang dipilih). Semasa tempoh ini Sijil Takaful masih lagi berkuat kuasa dan sekiranya Sumbangan Takaful masih belum dijelaskan selepas jumlah Dana Unit tidak mencukupi untuk melakukan bayaran pendahuluan seterusnya, Sijil Takaful akan luput dan tidak mempunyai nilai.
- d) Sekiranya kematian atau TPD berlaku sebelum Orang Yang Dilindungi mencapai umur lima (5) tahun, umur hari jadi yang akan datang, jumlah yang akan dibayar adalah seperti yang berikut:

Umur Kematian/TPD (Umur Hari Jadi Yang Akan Datang)	1 tahun	2 tahun	3 tahun	4 tahun	5 tahun & ke atas
Peratus Amaun Perlindungan Akan Dibayar	20%	40%	60%	80%	100%

- e) Nilai Dana Unit - nilai Dana Unit ILP bergantung kepada prestasi dana-dana ILP yang dipilih. Semakin tinggi tahap perlindungan Takaful yang dipilih, maka lebih banyak nilai unit-unit yang akan diserap untuk membayar caj-caj Tabarru' dan, unit-unit yang kekal untuk nilai tunai terkumpul di bawah Sijil Takaful anda akan berkurang.
- f) Pendapatan pelaburan sebenar boleh berubah-ubah mengikut keadaan pasaran. Oleh itu, jumlah terkumpul di dalam UF boleh meningkat naik atau menjadi kurang daripada jumlah Sumbangan Takaful yang telah dibuat ke dalam UF (berkemungkinan menyebabkan peluputan Sijil Takaful sebelum tempohnya).
- g) Sijil Takaful luput - Sijil Takaful ILP akan luput apabila nilai unit-unit pelaburan adalah tidak mencukupi untuk membayar Tabarru' dan caj-caj yang lain. Kebarangkalian luput akan lebih tinggi sekiranya pengeluaran sebahagian dibuat.
- h) Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada sebarang lebihan boleh-agih kasar yang diisytiharkan pada akhir setiap Tahun Kewangan Syarikat. Lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan sepenuhnya (100%) kepada Peserta Takaful.
- i) Ia mungkin tidak menguntungkan untuk beralih dari satu pelan Takaful ke pelan Takaful yang lain kerana anda mungkin akan tertakluk kepada keperluan pengunderaitan yang baru, tempoh menunggu sepenuhnya dan sebarang tempoh terpakai bagi pengecualian pada syarat-syarat penyakit tertentu atau pra-wujud Sijil Takaful yang baru.
- j) Notis terhadap tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada Syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang mengakibatkan tuntutan. Setelah notis tuntutan dikemukakan, pihak Syarikat akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi menfailkan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan-keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walau bagaimanapun, ini tidak akan menghalang pihak Syarikat dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah dikemukakan kepada Syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi.
- k) Adalah penting bagi anda untuk menerima dan menyimpan resit-resit sebagai bukti pembayaran Sumbangan-sumbangan Takaful.
- l) Sekiranya anda tidak menerima Sijil Takaful selepas empat belas (14) hari dari tarikh penyertaan, sila hubungi kami (bagi kes-kes standard sahaja).

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di bawah Sijil Takaful.

## **7. Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?**

### **a) Pengecualian ke atas Manfaat Kematian**

Jika Orang Yang Dilindungi, sama ada waras atau tidak, membunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun daripada tarikh Sijil Takaful berkuatkuasa, atau meninggal dunia disebabkan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit yang disebarkan secara seksual, tiada manfaat akan dibayar.

Syarikat akan memulangkan semula jumlah terkumpul yang terdapat di dalam UF (nilai unit pada tarikh penilaian semasa tarikh proses) dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada, kepada waris Orang Yang Dilindungi.

b) Pengecualian Utama yang lain (kecuali bagi Manfaat Kematian)

- i. Peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) atau perang saudara;
- ii. Pemberontakan, rusuhan awam, pemberontakan tentera atau orang awam, insurreksi, penentangan, revolusi, perintah berkurung atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurung ataupun darurat;
- iii. Sebarang kegiatan pengganas. Untuk tujuan ini kegiatan keganasan bermaksud perlakuan atau perbuatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebarang kuasa atau kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman dari situ, oleh mana-mana orang perseorangan atau kumpulan, sama ada bertindak secara persendirian atau bersandarkan perhubungan dengan mana-mana organisasi atau organisasi-organisasi atau kerajaan atau kerajaan-kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab politik, keagamaan, ideologi atau sebarang niat mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan / atau menyebabkan pihak awam, atau sebahagian darinya berada di dalam ketakutan;
- iv. Disebabkan oleh atau lanjutan daripada bunuh diri atau cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah.
- v. Ketidakupayaan yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi apabila melibatkan diri, mengendalikan atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kenderaan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, peluncuran gantung atau belon udara kecuali apabila Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan;
- vi. Keilatan bermula sebelum penerimaan perlindungan;
- vii. Sebarang ketidakpatuhan undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi atau kesalahan yang dicituskan olehnya;
- viii. Terlibat dalam sebarang aktiviti dalam air yang menggunakan alat pernafasan tiruan;
- ix. Kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, percantuman nuklear, alat senjata nuklear atau pencemaran radioaktif;
- x. Sindrom Kekurangan Daya Ketahanan Melawan Penyakit (AIDS) dan sebarang keadaan yang berkaitan dengan AIDS.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh pengecualian-pengecualian yang terdapat di bawah Sijil Takaful.

**8. Bolehkah Sijil Takaful ini dibatalkan?**

Penyertaan dalam pelan ILP di mana Sumbangan Takaful adalah berkala adalah komitmen kewangan jangka panjang, dan anda tidak digalakkan untuk menyertai Sijil Takaful ini dalam tempoh masa yang singkat kerana ia akan melibatkan kos permulaan yang tinggi. Lanya mungkin tidak baik untuk anda menyerah kembali atau menggantikan Sijil Takaful anda dengan yang baru. Ini kerana anda akan kehilangan segala manfaat yang anda nikmati sebelum ini dan nilai penyerahan yang bakal terima mungkin kurang daripada jumlah Sumbangan Takaful yang telah anda bayar.

Jika anda mendapati strategi pelaburan yang telah anda pilih tidak lagi sesuai, anda mempunyai kebebasan untuk membuat pertukaran strategi. Anda dibenarkan melakukan pertukaran lima (5) kali bagi setiap tahun sijil tanpa dikenakan bayaran. Untuk pertukaran seterusnya, anda akan dikenakan 1% daripada jumlah yang ditukar tertakluk kepada maksimum RM50 setiap pertukaran.

**9. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?**

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat/alamat (termasuk bagi penama) untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dan/atau penama dalam jangka masa ditetapkan.

**10. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful ILP, sila rujuk kepada buku panduan *info insurans* mengenai 'Takaful Berkaitan Pelaburan'. Anda boleh memperolehnya daripada ejen Takaful kami atau lawati [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Takaful Ikhlas Family Berhad**

(Dahulu dikenali sebagai Takaful Ikhlas Berhad)  
Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,  
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,  
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel : +603-2723 9696  
Faks : +603-2723 9998  
Laman sesawang : [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)  
Emel : [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)

**11. Produk seumpama yang boleh didapati?**

*IKHLAS Premier Investment-Linked Takaful Plus*

**NOTA PENTING:**

**INI ADALAH PRODUK TAKAFUL YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI DARIPADA ASET-ASET PENDASAR, DAN INI BUKANLAH PRODUK PELABURAN SEBENAR SEPERTI UNIT AMANAH SAHAM. ANDA MESTI MENILAI PILIHAN-PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN PERLU MEMUASKAN DIRI ANDA BAHAWA PELAN BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH MEMENUHI KEHENDAK RISIKO ANDA, DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR SUMBANGAN TAKAFUL SEPANJANG TEMPOH SIJIL TAKAFUL. UNTUK MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ADALAH DINASIHATKAN ANDA, MEMBAYAR SUMBANGAN TAKAFUL TAMBAHAN SEBAGAI 'TOP UP'. PULANGAN KE ATAS DANA PELAN BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.**

**MENURUT PERENGGAN 5 DARIPADA JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013, JIKA ANDA MEMOHON TAKAFUL INI SEPENUHNYA UNTUK TUJUAN YANG TIDAK BERKAITAN PERDAGANGAN, PERNIAGAAN ATAU PROFESION ANDA, ANDA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK MENGAMBIL LANGKAH PENJAJAAN MUNASABAH UNTUK TIDAK MEMBUAT SALAH NYATAAN SEMASA MENJAWAB SOALAN-SOALAN DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI). ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN-SOALAN DENGAN LENGKAP DAN TEPAT.**

**KEGAGALAN UNTUK MENGAMBIL PENJAGAAN MUNASABAH DALAM MENJAWAB SOALAN-SOALAN MUNGKIN MENGAKIBATKAN PEMBATALAN KONTRAK TAKAFUL ANDA, PENOLAKAN ATAU PENGURANGAN TUNTUTAN, PERUBAHAN TERMA ATAU PENAMATAN KONTRAK TAKAFUL ANDA.**

**KEWAJIPAN PENDEDAHAN DI ATAS ADALAH BERTERUSAN SEHINGGA KONTRAK TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI.**

**SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SOALAN-SOALAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI), ANDA DIKEHENDAKI UNTUK MENDEDAHKAN APA-APA PERKARA LAIN YANG ANDA TAHU SEBAGAI BERKAITAN KEPADA KEPUTUSAN KAMI UNTUK MENERIMA ATAU TIDAK RISIKO INI DAN MENENTUKAN KADAR DAN TERMA YANG HENDAK DIPAKAI.**

**ANDA JUGA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK SEGERA MEMBERITAHU KAMI SEKIRANYA SETELAH KONTRAK TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH, ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI, APA-APA MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG CADANGAN INI (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI) TIDAK TEPAT ATAU TELAH BERUBAH.**

*Maklumat yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada: 01/12/2018*